29 TAHUN

Kekal No. 1 Di Pasaran!

15 DIS 2012
Bil: 632 RM5.00

# remaja

inspirasi remaja kini

Audit Bureau of Circulations

membarakan jiwa & minda
KARNIVAL
KUMPULAN MEDIA karangkraf
1 - 3 Februari 2013



SLEEQ & SHARIFAH SAKINAH
TAK SYOK SENDIRI

BAHANA Pil Khayal
JANGAN SAMPAI MENJERAT DIRI!

UNTUKMU Si Hijabis
SENSASI IKATAN SIFON

REALITI HIDUP
KANSER CML
TAK LEMAHKAN JIWA & FIZIKAL FAIZAL

KUIZ M/S:69
AKU, DIA ATAU KAU...
MANA SATU JADI PILIHAN?

EKSTRA SCOOP
Ramalan Trend
FESYENISTA
& MEKAP 2013

TIP + STAIL + ILHAM FANTASTIK KE PESTA



KOLEKSI lebih ranggi dan fleksibel dikatakan seiring dengan kedinginan musim ini.



PADUAN rona alam sesuai mengikut tema yang dijanjikan Jeep buat pelanggan mereka.

# JEEP & "LOVE THE EARTH"

Jeep yang popular dengan moto "Live Without Limits" kini muncul dengan pelancaran koleksi musim luruh/sejuk 2012/2013 dengan bertemakan "Love The Earth". Koleksi terbaharu ini direka khusus buat lelaki, wanita dan kanak-kanak yang aktif serta *urban*. Menyuntik elemen alam semula jadi, mereka mengetengahkan warna-warna asas seperti coklat, kelabu, oren, kuning, biru dan hijau yang dirasakan cukup sinonim dengan trend hari ini.

Bagi fesyen jejaka, Jeep tampil dengan fabrik denim bersama potongan selesa buat golongan remaja yang gemar pada aksi lasak. Bagi si gadis pula mereka menampilkan koleksi pakaian daripada cetakan flora, kemeja denim, gaun, jean, *legging* dan seluar pendek sesuai buat liburan sewaktu musim ini.

Tidak ketinggalan kanak-kanak turut diberi perhatian, ilham kemeja-T, kemeja berpetak dan gaun cetakan mini menjadikan si cilik tampak lebih comel dari biasa. Oleh itu bersama kita miliki koleksi Jeep musim luruh/sejuk di semua *outlet* yang terdapat di Malaysia dengan harga sekitar RM39.00 sehingga RM399.00.



